

Tabung Haji bantu tanggung kos haji

Subsidi lebih tinggi 2017

UM 10/11

Oleh HARITH NIZAR

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 9 NOV.

LEMBAGA Tabung Haji (Tabung Haji) akan memperuntukkan jumlah subsidi yang lebih tinggi bagi musim haji 2017 dalam usaha mengurangkan kos mengerjakan ibadah itu yang dianggarkan semakin meningkat.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Johan Abdullah berkata, penetapan jumlah subsidi akan dibuat selepas mengambil kira peningkatan harga tambang penerbangan, penginapan jemaah haji serta perubahan nilai mata wang yang merupakan faktor-faktor dalam menentukan kos sebenar haji.

"Saban tahun (kos haji) akan meningkat. Harga bagi 2017 tidak akan sama dengan harga 2016. Kita masih belum kira lagi kos haji bagi 2017, tetapi saya anggarakan ada sedikit peningkatan," katanya selepas majlis pelancaran Program Iqra yang disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim.

Terdahulu Jamil Khir dalam ucapannya berkata, Tabung Haji telah menanggung kos haji lebih daripada RM160 juta untuk memastikan bayaran haji para jemaah kekal pada RM9,980 seorang bagi musim haji baru-baru ini.

Menurutnya, subsidi tersebut membolehkan jemaah haji Muassasah terus menikmati



Saban tahun (kos haji) akan meningkat. | Harga bagi 2017 tidak akan sama dengan harga 2016. Kita masih belum kira lagi kos haji bagi 2017, tetapi saya anggarakan ada sedikit peningkatan."

JOHAN ABDULLAH

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji

segala kemudahan yang disediakan dengan selesa walaupun kos haji adalah tinggi iaitu RM18,890 seorang.

"Kerajaan sentiasa menyokong semua usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Tabung Haji kerana yakin tujuannya adalah untuk kebajikan dan pembangunan umat Islam," katanya.

Pada masa sama, beliau berharap Tabung Haji kekal cemerlang dan dapat terus memainkan peranan membantu umat Islam di Malaysia terutama golongan asnaf yang memerlukan.